

13/08/1998

Ensiklopedia Malaysiana mantap

Noordin Zakaria

KEBANYAKAN bangsa terbilang di serata dunia mempunyai karya agung yang sinonim dengan sejarah, kewujudan dan kekuatan bangsa itu sendiri.

Karya agung itu bukan saja dianggap sebagai khazanah kebanggaan turun temurun, malah kadangkala menjadi intisari kepada pembentukan budaya dan pemikiran bangsa itu sendiri.

Bangsa Melayu juga mempunyai karya agungnya sendiri. Biasanya Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah dikaitkan sebagai antara karya agung bangsa yang sehingga ini masih dibaca, dikaji dan diperdebatkan.

Bagaimanapun, sehingga bila bangsa Melayu akan hanya bergantung kepada dua karya agung itu? Adakah selepas 50 tahun daripada sekarang, generasi baru Melayu hanya mampu berbangga dengan dua karya agung itu?

Menyedari keperluan mewujudkan lebih banyak karya agung bangsa, sebuah syarikat Bumiputera, iaitu Anzagain Sdn Bhd mengambil inisiatif memulakan projek menghasilkan satu lagi bentuk penerbitan yang juga boleh disifatkan sebagai karya agung.

Projek berkenaan ialah menerbitkan ensiklopedia pertama mengenai dunia Melayu yang dikenali sebagai Ensiklopedia Malaysiana. Ia juga ensiklopedia pertama yang dihasilkan dalam bahasa Melayu.

Ensiklopedia ini juga diharap mampu mencapai standard Encyclopedia Americana dan Encyclopedia Britannica.

"Kita tidak menafikan bahawa pada peringkat awal, produk ini tidak begitu lengkap dan sempurna sebagaimana yang dijangkakan oleh banyak pihak.

"Tetapi pada kita, projek ini adalah satu landasan baru yang akan terus merintis usaha melahirkan satu lagi karya agung yang boleh dibanggakan.

"Ia juga diharap akan turut dijadikan bahan kajian mengenai alam Melayu pada masa depan," kata Penerbit yang juga Ketua Editornya, Hasan Hamzah.

Sehingga ini syarikat berkenaan berjaya menerbitkan 17 jilid Ensiklopedia Malaysiana mengandungi lebih 40,000 data entri dan 2,000 gambar serta ilustrasi.

Maklumat yang boleh diperolehi di dalamnya menyentuh pelbagai bidang seperti sejarah, arkeologi, geografi, sains, teknologi, astronomi, sains dan teknologi, kemasyarakatan, kesenian, kebudayaan, tokoh, kenegaraan, bangsa, politik, ekonomi, bahasa dan agama.

Dengan kepelbagaian bidang dalam ensiklopedia itu, ia boleh dianggap sebagai satu lagi dokumen alam Melayu yang hampir lengkap.

Sejak usaha menerbitkan ensiklopedia yang menelan belanja kira-kira RM12 juta itu kira-kira tiga tahun lalu, lebih 350 orang terbabit dalam kerja berkenaan.

Dalam tempoh tiga tahun itu juga, projek penerbitan Ensiklopedia Malaysiana lebih banyak tertumpu kepada aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Kini kerja R&D dikendalikan oleh Malaysia Encyclopedia Research Center Berhad (MERC), satu lagi anggota kumpulan syarikat itu.

R&D dianggap perlu kerana selain menambah jilidnya, kerja penerbitan dokumen alam Melayu itu akan turut membabitkan proses mengemas kini kandungannya dari semasa ke semasa.

Hasan yang juga Presiden MERC berkata, pusat penyelidikan itu sudah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Gabungan Koperasi Universiti Bhd (Gakub) dan Koperasi Kedai buku Universiti Malaya Bhd (KKUM) bagi melaksanakan kerja menghasilkan edisi baru Ensiklopedia

Malaysiana sehingga mencapai 21 jilid.

Gakub akan bertindak sebagai sekretariat yang mengumpulkan semua input penting untuk dimuatkan di dalam ensiklopedia berkenaan, manakala KKUM sebagai pengedar.

Sebelum ini, penerbitan ensiklopedia terbabit banyak dijalankan di pejabat kumpulan syarikat itu di Shah Alam dan Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil.

Syarikat itu juga merancang membelanjakan kira-kira RM10 juta lagi untuk menerbitkan ensiklopedia yang sama dalam bahasa Inggeris dan berbentuk CD-ROM, terutama untuk diedarkan di peringkat antarabangsa.

Pembabitan syarikat itu dalam R&D untuk mengeluarkan ensiklopedia berbentuk CD-ROM, juga mendorongnya untuk memohon status Koridor Raya Multimedia (MSC) dan peruntukan Skim Geran Multimedia yang dikeluarkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Selain itu, syarikat yang sama turut menerbitkan Ensiklopedia Remaja dan dalam proses menghasilkan Ensiklopedia Islam.

Sambil menyifatkan penerbitan Ensiklopedia Malaysiana sebagai satu 'projek warisan', Hasan berkata, dokumen seperti itu juga perlu bagi menangkis maklumat salah yang disalurkan oleh ensiklopedia Barat mengenai dunia Melayu sebelum ini.

Contohnya, sebuah ensiklopedia Barat yang dikenali sebagai Encarta sudah menamakan lagu opera Cina sebagai lagu tradisional Melayu.

"Maklumat seperti ini ternyata salah dan kewujudan Eksiklopedia Malaysiana diharap mampu membetulkan maklumat yang salah itu," katanya dalam satu pertemuan, baru-baru ini.

Ensiklopedia Malaysiana sebenarnya sudah berada di pasaran pada 1996 tetapi dalam bentuk edisi terhad.

"Ketika itu, kita menganggap ensiklopedia ini belum lengkap. Bagaimanapun kami berpendapat kini selepas ensiklopedia itu diperbaiki kandungannya, semua pihak sama ada individu, keluarga, organisasi, perpustakaan awam dan sekolah patut memilikinya sebagai satu bahan rujukan yang berguna," katanya.

Syarikat juga, kata beliau, merancang memasarkan ensiklopedia itu secara jualan langsung dengan harga berpatutan pada masa depan.

Menjelaskan pulangan dalam bentuk kewangan hasil penerbitan ensiklopedia itu, Hasan berkata:

"Kami tidak membuat untung dalam jangka pendek. Kami jangkakan sekurang-kurangnya 10 tahun untuk memperolehi pulangan," katanya.

Menurutnya, hasrat melahirkan dokumen alam Melayu dalam bentuk ensiklopedia tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa bantuan pihak lain termasuk individu, pelajar, ahli akademik, syarikat korporat dan badan berkanun dalam proses meningkatkan mutu dan kandungannya.

Ini bertetapan dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menggarapkan konsep 'Malaysia Boleh', iaitu "Siapa kata tidak boleh."

"Katakan kita boleh. Ciptalah apa saja. Jangan kritik, tetapi bantulah memperbaikinya".

(END)